

PERBEZAAN DI ANTARA KENDIRI SEBENAR DAN KENDIRI IDEAL (PART 4)

Assoc. Prof. Dr. Azizi Hj Yahaya

2.2 Penerimaan Kendiri:

Demikian diungkapkan sebagai sebagai Konsep Kendiri yang merupakan bagaimana kita mengkonsepsi akan perkara-perkara yang sedia ada pada diri. *Maslow* mengungkapkannya sebagai Penghargaan Kendiri. Individu akan menciptakan alasan-alasan dan hujah bagi mempertahankan bahawa dirinya yang sedia ada ini adalah yang terbaik. Ia adalah persepsi positif terhadap kelebihan dan kekurangan diri.

Corak seseorang untuk menerima keadaan diri adalah berbeza, bahkan kreativiti dan helah bela diri sering dijadikan aset bagi menciptakan konsep penerimaan diri yang baik. Sama ada melalui penciptaan pendirian diri yang kukuh tanpa mempedulikan pandangan orang lain mahu pun tidak mengendahkan sensitiviti diri yang mempengaruhi peringkat keyakinan diri.

Seorang yang kenal dan sedar bahawa dirinya memiliki sesuatu kelebihan, kemudian kelebihan tersebut adalah sesuatu yang memenuhi kehendak realiti, maka kendiri itu tidaklah menjadi masalah untuk disignifikasikan. Sekiranya diri sebenarnya itu terletak pada sudut kekurangan diri terhadap realiti yang dia berada pada masa itu, maka alasan dan persepsi tertentu adalah diperlukan untuk menerima diri dengan baik.

Contohnya seseorang yang bekerja di sebuah syarikat perniagaan yang hanya memiliki kelebihan dalam bidang penulisan dan politik. Jika dilihat secara rambang, seseorang boleh mudah merasa rendah diri kerana merasakan kelebihan terhadap bidang perniagaan adalah berselisihan dengan bidang penulisan dan politik.

Kelebihan yang ada dalam bidang penulisan adalah Kendiri Sebenar yang dimiliki. Jika dia menerima kendiri tersebut dengan positif, maka contohnya dia akan mengkonsepsi dirinya

bahawa “*Aku memiliki kelebihan tersendiri berbanding orang lain. Aku juga sangat diperlukan pada skop tugas yang tersendiri di dalam syarikat ini.*” Lalu akhirnya dia menjalankan tugas dengan sempurna di jabatan Perhubungan Awam (*Public Relation*) yang fungsinya bukan sedikit iaitu menjaga imej syarikat tersebut.

Bagi seseorang yang menilai negatif terhadap sendiri pula merasa terasing kerana memegang persepsi yang mengatakan bahawa “*Orang-orang lain yang bekerja di sini semuanya hebat-hebat belaka dalam bidang perniagaan. Begitu juga dengan bidang akauntan. Tetapi aku hanya boleh melakukan pekerjaan yang seolah-olah tiada kaitan dengan perniagaan.*” Akhirnya dia menjadi seorang pekerja yang hanya merendah diri.

Konsep penerimaan diri yang positif adalah digalakkan di dalam Islam. Demikian telah jelas melalui beberapa nilai-nilai murni yang diserapkan seperti konsep *Tawakkal* (menyerah diri kepada Allah dan ketentuan setelah berusaha dengan kelebihan diri), *Syukur* (berterima kasih dan menghargai dengan apa yang ada pada diri sama ada dari sudut fizikal, mental serta material), *Redha* (menerima keadaan seadanya dengan positif) dan *Qana'ah* (berkecukupan dengan apa yang ada).

CONTINUE...